

## AKUAN BERKANUN

### PENAFIAN PERNAH MENERIMA WANG DALAM APA-APA JUMLAH DARI JOHN SOH SEPERTI YANG DIDAKWA RAJA PETRA DAN "CHEGUBARD"

Bahawa saya, MOHD RAFIZI BIN RAMLI (No Kad Pengenalan 770914-11-5025) yang beralamat di A405, Kyoto Garden Condominium, Bukit Antarabangsa 68000 Ampang dengan ini membuat akuan berkanun mengikut Akta Akuan Berkanun bagi tujuan menafikan sekeras-kerasnya fitnah yang dimulakan oleh Raja Petra Kamaruddin dan diulang oleh Badrul Hisham Shaharin ("Chegubard") serta pihak-pihak lain.

Oleh itu, saya dengan ini mengisytiharkan perkara-perkara berikut:

1. Bahawasanya saya tidak pernah menerima satu sen pun dalam apa-apa bentuk dari mana-mana individu bernama John atau Soh atau John Soh atau Soh Chin Wen, seperti yang didakwa oleh Raja Petra Kamaruddin dan diulang oleh Badrul Hisham Shaharin serta pihak-pihak lain;
2. Bahawasanya saya telah mengisytiharkan harta, hutang, pendapatan dan perbelanjaan saya secara terperinci di dalam akuan-akuan berkanun yang dibuat dalam tahun 2015 dan 2016 yang menunjukkan kedudukan harta dan pendapatan saya sejak tahun 2010 lagi;
3. Bahawasanya saya membuat akuan berkanun ini sebagai menerima nasihat dari Setiausaha Agung PAS, YB Dato' Takiyuddin Hassan yang mencabar saya membuat akuan berkanun menafikan pernah menerima wang sejumlah RM20 juta dari John Soh yang fitnahnya dimulakan oleh Raja Petra kemudian diulang oleh Badrul Hisham Shaharin dan penyokong akar umbi PAS di media sosial;

4. Bahawasanya saya menjemput mana-mana pihak berkuatkuasa menyiasat saya di bawah Akta Berkanun 1961 sekiranya mana-mana kenyataan saya di dalam kesemua Akuan Berkanun Pengisytiharan Harta dan lain-lain akuan berkanun adalah tidak benar; *dan*
  
5. Bahawasanya saya menjemput mana-mana pihak untuk membuat laporan polis menyiasat saya sekiranya penafian saya tidak menerima wang dari John Soh (di dalam Akuan Berkanun ini) adalah tidak benar; atau sekiranya mana-mana kenyataan saya di dalam mana-mana Akuan Berkanun sebelum ini adalah tidak benar.

Saya dengan ini mengesahkan kesemua kenyataan di atas adalah maklumat-maklumat mengenai pemindahan wang SRC International Sdn Bhd yang saya ada. Saya membuat akuan ini dengan percaya bahawa akuan ini benar dan mengikut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan sesungguhnya diakui oleh

saya, MOHD RAFIZI BIN RAMLI  
di Putrajaya  
di negeri Wilayah Persekutuan  
pada 14 April 2017  
PUTRAJAYA  
WILAYAH PERSEKUTUAN



Di hadapan saya

